



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

ARAHAN KETUA PENGARAH KESIHATAN

BILANGAN 2 TAHUN 2014

**MENGIKUT PERUNTUKAN AKTA KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN
JAGAAN KESIHATAN SWASTA 1998 [AKTA 586]**

PENETAPAN NISBAH PAKAR NEFROLOGI KEPADA PESAKIT

TUJUAN

1. Arahan ini ditujukan kepada pemohon atau pemegang lesen kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta (KPJKS) yang ingin menubuhkan dan/atau menyediakan kemudahan dan perkhidmatan dialisis supaya memastikan pakar nefrologi (pelawat atau tetap) mempunyai bilangan pesakit mengikut ketetapan Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) bagi menjamin kualiti dan piawaian jagaan kesihatan pesakit.

LATAR BELAKANG

2. Kementerian telah melaksanakan dan menguatkuasakan Akta 586 dan peraturan-peraturannya mulai 1 Mei 2006.

3. Kementerian telah meningkatkan aktiviti pemantauan terhadap semua KPJKS dan mendapati masih terdapat pesakit *end stage renal failure* yang memerlukan rawatan dialisis, tidak dipantau dengan teliti oleh pakar nefrologi

khasnya bagi pesakit-pesakit yang mendapat rawatan di pusat hemodialisis swasta.

4. Kementerian juga mendapati masih terdapat rekod perubatan pesakit yang tidak dilengkapkan secara terperinci dan berkala iaitu sekurang-kurangnya 3 bulan sekali, sehingga terdapat kejadian yang tidak diingini termasuk kes berlaku kesilapan dan kelewatan penilaian terhadap pesakit yang mendapat peluang untuk menjalani pemindahan buah pinggang.

5. Oleh yang demikian, Kementerian telah menetapkan bilangan maksima pesakit bagi seseorang pakar nefrologi bagi menjamin kualiti jagaan kesihatan pesakit *end stage renal failure* yang menerima rawatan dialisis di KPJKS.

ARAHAN KETUA PENGARAH KESIHATAN

6. Setiap pemohon atau pemegang lesen KPJKS yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan dialisis perlu memastikan pakar nefrologi (pelawat atau tetap) mematuhi nisbah pakar nefrologi kepada pesakit seperti berikut:

6.1. Seorang pakar nefrologi daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pertahanan Malaysia dan Universiti dihadkan untuk 300 orang pesakit; dan

6.2. Seorang pakar nefrologi swasta dihadkan kepada 650 orang pesakit.

SUMBER KUASA

7. Arahan ini disediakan selaras dengan peruntukan Akta 586 seperti berikut:

7.1. **Seksyen 76**, Akta 586 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengeluarkan arahan, perintah atau garis panduan berkaitan dengan kualiti dan piawaian KPJKS sebagaimana yang difikirkannya perlu.

- 7.2. **Seksyen 43**, Akta 586 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengeluarkan notis tunjuk sebab mengenai niatnya kepada pemegang lesen KPJKS untuk menggantung, membatalkan atau enggan memperbaharui lesen KPJKS tersebut sekiranya apa-apa arahan, perintah atau garis panduan yang diberikan kepadanya oleh Menteri atau Ketua Pengarah tidak dipatuhi sepertimana yang diperuntukkan di bawah **perenggan 44(d)**, Akta 586.

PEMAKAIAN

8. Arahan ini adalah terpakai ke atas KPJKS yang ingin menubuhkan dan/atau menyediakan kemudahan dan perkhidmatan dialisis yang diberikan kelulusan di bawah perenggan 12(a) dan/atau diberikan lesen di bawah perenggan 19(a), Akta 586.

PEMATUHAN

9. Setiap pemohon atau pemegang lesen KPJKS yang ingin menubuhkan dan/atau menyediakan kemudahan dan perkhidmatan dialisis perlu mematuhi penetapan nisbah pakar nefrologi kepada bilangan pesakit.

TARIKH KUAT KUASA

10. Arahan ini berkuat kuasa serta merta mengikut tarikh Arahan.


DATUK DR. NOOR/HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia

Tarikh:

21/10/14